5. Apakah punca kepada timbulnya cabaran-cabaran seperti ini?
6. Bagaimana cikgu menangani cabaran-cabaran ini sepanjang melaksanakan PBS?

PERINGKAT KETIGA

Selamat sejahtera cikgu, saya En. Kalai Selvan Arumugham selaku penyelidik yang sedang menjalankan kajian tentang pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah dalam kalangan guru-guru Prinsip Perakaunan ingin menemubual cikgu untuk mendapatkan beberapa maklumat tambahan yang dapat membantu saya dalam melaksanakan kajian ini. Saya harapa cikgu dapat memberi jawapan secara ikhlas dan terbuka.

Ice-Breaking

Pemerihalan

1. Sejauh manakah cikgu memahami matlamat PBS diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia?
2. Mengapakah PBS diperkenalkan dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan?

3. Sejauh manakah cikgu memahami matlamat dan intipati yang terdapat dalam PBS Prinsip Perakaunan?

Perancangan Pelaksanaan PBS

1. Sejauhmana cikgu merancang untuk melaksanakan PBS?
2. Bagaimana cikgu melakukan perancangan untuk melaksanakan PBS?
3. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan cikgu melakukan perancangan seperti ini?
4. Sejauhmanakah perancangan seperti ini membantu cikgu dalam melaksanakan PBS?

Pelaksanaan PBS

1. Bagaimanakah cikgu melaksanakan PBS?
2. Sejauhmanakah pelaksanaan seperti ini membantu cikgu mencapai matlamat PBS?
3. Boleh tak cikgu ceritakan keseluruhan proses pelaksanaan PBS?

Pentaksiran

1. Bagaimanakah cikgu melaksanakan proses pentaksiran?
2. Mengapa cikgu amalkan proses seperti ini?
3. Bagaimanakah cikgu mendapat idea seperti ini untuk melaksanakan PBS?
4. Pada pandangan cikgu adakah kaedah ini seperti yang disarankan untuk melaksanakan PBS? Jika ya/tidak Mengapa?

Isu dan Cabaran

1. Boleh tak cikgu ulaskan sikit tentang isu-isu yang sering kali cikgu hadapi ketika melaksanakan PBS?
2. Bagaimanakah cikgu menyelesaikan isu-isu tersebut?
3. Bagaimana pula dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh cikgu?
4. Sejauhmana cabaran-cabaran itu memberi kesan terhadap pelaksanaan PBS?
5. Bagaimana cikgu menyelesaikan cabaran-cabaran yang cikgu hadapi?

Lampiran D: Kod dan Kategori

Pemahaman	Perancangan	Pelaksanaan	Pentaksiran	Isu	Cabaran
#Pentaksiran Peringkat Sekolah	#Menghabiskan Sukatan	#Guru Sebagai Pengajar dan Pembimbing	#Pentaksiran Pelbagai Komponen	#Ketelusan Pelajar	#Masa Terlalu Singkat
-Pentaksiran Guru Mata Pelajaran	- Mengaplikasikan pembelajaran	-Taklimat	-Pentaksiran Berpandukan Draf	#Minat dan Komitmen Pelajar	#Kemahiran Pentaksiran Guru
-Pentaksiran Berpandukan Lembaga Peperiksaan Malaysia	- Menyusun semula tajuk-tajuk dalam HSP	-Pembentukan Kumpulan	-Pentaksiran Tugas Akhir	#Kaedah Pelaksanaan PBS	#Kemudahan ICT
-Pentaksiran Bersama PdP	-Kitaran perakaunan diajar bersama PBS	- Guru Mengajar	-Pentaksiran Secara Pemerhatian		
#Bukan Berorientasikan Peperiksaan	# Berpandukan Dokumen LPM	-Guru Membimbing dan pemudahcara	#Pentaksiran Sepanjang Proses Pengajaran		
-Perubahan Format Peperiksaan	- Perancangan <i>Ad-Hoc</i>	#PBS Diasingkan daripada PdP	-Pentaksiran Menggunakan Draf		
-PdP Tidak Berpandukan Peperiksaan		-Sesi Taklimat	-Pemerhatian		
-Sambil Belajar Sambil Buat Tugas		-Mengasingkan PBS daripada PdP	-Tugas Pelajar		
#Pentaksiran Untuk Pembelajaran		-PBS Dijalankan diluar waktu persekolahn	#Pembentangan Tugas		
-Aplikasi Dalam Dunia Perakaunan		-Bimbingan rakan sebaya			
-Guru Mentaksir Pelajar Belajar		#PBS dilaksanakan secara koperatif			
-Kemahiran Berfikir		-Taklimat peringkat pertama			
		-Taklimat peringkat kedua			
		-Pembentukan Kumpulan			
		-Guru bersama ketua kumpulan			
		-Bimbingan Pelajar Bermasalah			
		-Pembentangan Hasil Tugas			

Lampiran E: Contoh Transkripsi Temu bual

Penyelidik :Selamat sejahtera cikgu, saya En. Kalai Selvan Arumugham selaku penyelidik yang sedang menjalankan kajian tentang pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah dalam kalangan guru-guru Prinsip Perakaunan ingin menemubual cikgu untuk mendapatkan beberapa maklumat.

Rifah :Ya, selamat sejahtera, nak dapatkan maklumat tu boleh lah, setakat yang saya tahu saya boleh berkongsi.

Penyelidik :Terima kasih diatas kesanggupan untuk berkongsi maklumat. Pada pandangan cikgu, apakah yang cikgu faham tentang Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau dikenali sebagai PBS?

Rifah :PBS ni merupakan satu bentuk pentaksiran yang dijalankan diperingkat sekolah. Selalunya, dijalankan oleh cikgu-cikgu yang mengajar. Tambahan pula, ia dijalankan secara dalaman sahaja.

Penyelidik :Terima kasih atas penjelasan tadi. Selain itu, pada pandangan cikgu, mengapa PBS diperkenalkan?

Rifah :PBS ni diperkenalkan sebab nak menggantikan konsep peperiksaan. Contohnya, macam dalam subjek akaun, dulu proses kitaran perakaunan diuji dalam kertas dua yang lebih bersifat peperiksaan, tapi sekarang ni, proses kitaran perakaunan dah tak masuk dalam peperiksaan, sebaliknya diuji melalui PBS. Maksudnya, pelajar-

pelajar kena buat kitaran perakaunan dalam bentuk projek atau kerja kursus semasa guru-guru mengajar.

Penyelidik :Tadi, cikgu ada katakan projek kitaran perakaunan ni dijalankan semasa guru mengajar, jadi apa perkaitan PBS dengan PdP?

Rifah :Yang saya maksudkan tadi, kalau dulu soalan kitaran perakaunan diuji semasa peperiksaan SPM, tapi sekarang ni, dah jadi projek kerja kursus yang diperkenalkan melalui PBS. Jadi, cikgu-cikgu akan melaksanakan PBS ni semasa PdP dijalankan. Waktu cikgu mengajar dalam bilik darjah cikgu-cikgu boleh bimbing pelajar-pelajar untuk buat tugas ni. Contohnya dalam kitaran perakaunan, pelajar kena belajar tentang dokumen sumber, dalam pelaksanaan PBS pun pelajar kena buat dokumen sumber. Oleh itu, kedua-dua proses ini boleh disatukan.

Penyelidik :Adakah PBS ini berbeza dengan peperiksaan?

Rifah :Memang jauh perbezaannya. Kalau tengok PBS ni, cikgu-cikgu boleh bimbing pelajar-pelajar, perbetulkan kesilapan pelajar, bantu pelajar sampai kira pelajar tu boleh buat betul-betul kitaran perakaunan, tapi kalau peperiksaan tu lebih bersifat nak tengok pelajar boleh buat tak kitaran perakaunan. Kalau betul pelajar tu jawab betul la, kalau tak habislah hilang semua markah untuk soalan tu. PBS ni lebih bersifat nak bantu pelajar faham betul-betul tentang kitaran perakaunan.

Penyelidik :Terima kasih atas penjelasan yang cikgu berikan tadi, mengikut pemahaman cikgu, apa yang menyebabkan PBS berbeza dengan peperiksaan?

Rifah :Macam saya cakap tadi, PBS dengan peperiksaan jauh berbeza. Bagi saya PBS ini memang sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dari guru. Kalau tak da guru seolah-olah PBS ni tak berjalan. Peperiksaan tak pa, cikgu tak dak pun masih boleh berjalan. Tapi, PBS ni cikgu la yang akan menilai seseorang pelajar. Contohnya, macam pelajar perakaunan, dia kena tahu buat BCP (Buku Catatan Pertama), lepas tu lejar dan Imbangan Duga untuk membolehkan dia sediakan penyata kewangan, jadi disini cikgu kena nilai kebolehan pelajar itu untuk setiap satu peringkat dan bukannya macam peperiksaan yang kena nilai di peringkat penghujung saja. Jadi, kalau tak da cikgu tak da la PBS.

Penyelidik :Bagaimana cikgu dapat maklumat tentang PBS ini?

Rifah :Maklumat-maklumat tentang PBS ni selalunya PK yang berikan. Selain itu, ada juga la saya pi taklimat, kursus dan kadang-kadang berkongsi maklumat daripada rakan-rakan dari sekolah lain. Susah juga la nak dapat maklumat tentang PBS ni, sebab benda baru kadang-kadang rakan-rakan dari sekolah lain pun tak berapa tau sangat. Tapi, JU JU memang bantu la bagi maklumat dari semasa ke semasa.

Penyelidik :Sejauhmana maklumat-maklumat yang diperoleh ini membantu cikgu untuk melaksanakan PBS?

Rifah :Maklumat-maklumat yang diperoleh dari pelbagai sumber memang membantu, sebab saya pun baru belajar tentang PBS. Macam saya pi taklimat, JU bagi tau la macam mana nak nilai pelajar secara berterusan. Saya sebelum ni dok ingat kena buat pentaksiran hujung sekali, lepas dok pi taklimat, sembang dengan rakan-rakan sekolah lain, baru tahu rupanya nak kena nilai pelajar sepanjang buat PBS bukannya hujung sekali. Jadi, maklumat-maklumat macam ni memang membantu dan membolehkan saya meningkatkan ilmu dan pengetahuan tentang PBS. Kalau tak macam langsung tak tau apa-apa.

Penyelidik :Selain tu, cikgu rujuk tak mana-mana sumber untuk mendapatkan maklumat tentang PBS?

Rifah :Hmmm.....rujukan tu...oh ya, saya juga ada rujuk bahan-bahan yang diberikan oleh LPM. Sebab dalam bahan LPM memang ada maklumat-maklumat yang diberikan contohnya bagaimana kita nak nilai pelajar, aliran pelaksanaan PBS, apa yang cikgu-cikgu kena faham tentang PBS dan memang bahan-bahan ni bantu sikit la nak tingkatkan kefahaman tentang PBS. Maklumat yang diberikan tu memang detail, tapi biasa la nak baca semua kadang-kadang kesuntukan masa.

Penyelidik :Bagaimana maklumat-maklumat ini digunakan untuk cikgu tingkatkan kefahaman tentang PBS?

Rifah :Bagi saya, idea utama tentang PBS tu saya faham, iaitu nak buat bagi pelajar belajar tentang proses kitaran perakaunan. Cuma maklumat yang saya cari dan kongsi dengan rakan-rakan lain ialah tentang cara pemarkahan. Nak bagi markah tang draf tugas ka, tugas akhir ka, atau sepanjang buat tugas, so benda-benda macam ni memang masih kabur. Jadi, maklumat-maklumat seperti ini yang saya selalu cari. Macam katakan, semua lejar pelajar betul, tapi ada kesilapan taip, so macam mana nak nilai kata pelajar tu betul atau salah. Kalau ikutkan angka yang dia taip salah, tapi kalau ikut cara dia buat tu betul. Adakah saya nak kena semak balik draf yang dia buat. Jadi, benda-benda macam ni yang saya nak tanya rakan-rakan dan seboleh-bolehnya dapatkan maklumat yang betul dan tepat. Takut kalau-kalau salah buat pentaksiran.

Penyelidik :Jadi, cikgu rasa pemahaman cikgu tentang PBS ni membantu tak dalam melaksanakan PBS?

Rifah :Untuk melaksanakan PBS, biasa la, setakat yang saya faham. Saya buat sekadar yang saya tahu. Kalau tak tahu saya tanya rakan-rakan yang mengajar di sekolah lain. Saya buat berdasarkan apa yang saya faham dan saya mampu.

Penyelidik :Ok, cikgu. Apa yang cikgu selalunya lakukan sebelum melaksanakan PBS?

Rifah :Bagi saya, sebelum melaksanakan PBS seboleh-bolehnya nak ajar dulu tentang proses kitaran perakaunan. Sebab kalau dah pelajar belajar tentang kitaran perakaunan, senang sikit. Tapi selalunya benda ni tak jadi, sebab tajuk dalam sukatan banyak, jadi saya ajar saja ikut sukatan. Dalam bulan ogos dah kena mula PBS, so saya stop mengajar sambung buat PBS. Macam ni la selalu. Sebab bulan lima dah kena stop untuk peperiksaan pertengahan tahun. Tapi seboleh-bolehnya saya cuba settle dulu nak buat dokumen, BCP dan lejar. Kalau dah ada tiga kemahiran ni, mudah sikit.

Penyelidik :Apakah yang cikgu faham tentang perancangan untuk melaksanakan PBS?

Rifah :Perancangan untuk melaksanakan PBS..hmhhh. Selalunya perancangan melaksanakan PBS ni merujuk kepada apa yang kita buat sebelum nak laksanakan PBS, contohnya penyediaan bahan, fail dan sebagainya. Itu la kot.

Penyelidik :Adakah cikgu melakukan perancangan untuk melaksanakan PBS?

Rifah :Nak kata rancang tu dak la, tapi selalunya saya ikut HSP, RPT dan paling kuat pun rancang guna RPH. Tak lak nak rancang sangat. Sebab, LPM ni dah bagi semua. Sampai carta gantt nak buat tugasan ni dah diberi secara detail. Apa yang nak kena buat setiap minggu tu dah bagi secara terperinci. Jadi, saya guna maklumat-maklumat tu semua dan rancang guna RPH saja la.

Penyelidik :Mengapa cikgu merancang gunakan RPH?

Rifah :Kalau ikutkan PBS ni nak kena buat dalam kelas. Semasa cikgu mengajar. Jadi untuk PdP saya hanya rancang melalui RPH. Saya tengok apa tajuk yang bersesuaian untuk hari tu, so saya pun buat RPH berdasarkan apa yang nak diajar. Contohnya kalau ikut rancangan yang diberikan oleh LPM, sampai minggu ketiga pelajar dah mula kena buat dokumen sumber, jadi saya pun mengajar dan membimbing pelajar untuk membuat dokumen. Berpandukan RPT dan HSP dan buat RPH untuk mengajar tajuk dokumen sumber. Jadi, macam orang kata rancangan jangka pendek la. Ini yang saya buat, kalau cikgu-cikgu lain saya tak tahu pula.

Penyelidik :Mengapa cikgu merancang seperti ini?

Rifah :Saya rancang macam ni sebab bagi saya mudah. Lagipun, dalam hal merancang ni, LPM dah tentukan semua. Saya ni macam nak laksanakan saja. Saya yang menurut perintah la katakan. Sebab tak da apa yang nak dirancang. Semua dah diberi oleh LPM, kita ikut saja la. Lagipun, perancangan ni selalunya ad hoc saja. Lesson plan yang kita buat tu pun kadang-kadang tak diguna pakai dalam keadaan-keadaan tertentu. So, masuk kelas tengok keadaan yang sesuai kita buat saja. Macam pengalaman saya, LPM tetapkan minggu ketiga pelajar dah kena siap dokumen sumber, tapi kalau masuk minggu keempat pun masih ada lagi yang tak siap, jadi nak buat macam

mana. So paling mudah, buat lesson plan nak yang lain semua ikut macam LPM bagi.

Penyelidik :Apakah bentuk-bentuk perancangan PdP yang cikgu lakukan untuk melaksanakan PBS?

Rifah :Perancangan PdP yang saya buat ialah macam nak mengajar sambil buat tugas PBS. Saya cari jalan supaya saya dapat integrasikan PBS ke dalam PdP. Contohnya macam nak mengajar lejar, saya gunakan contoh-contoh terus daripada tugas yang pelajar kena buat. Jadi dalam keadaan ni, lejar pun saya ajar, pelajar-pelajar pun boleh gunakan pengetahuan tu nak buat lejar untuk tugas yang diberikan.

Penyelidik :Bagaimana cikgu mendapat idea seperti ini?

Rifah :Yang ni saya buat sebab saya faham yang PBS tu nak bagi pelajar faham tentang proses kitaran perakaunan. Jadi, sambil saya nak mengajar sambil tu saya nak pastikan pelajar kuasai kemahiran dalam kitaran perakaunan. Ni rancang nak bagi dua-dua jalan serentak PdP dan PBS.

Penyelidik :Perancangan-perancangan yang cikgu lakukan ni membantu tak untuk cikgu-cikgu laksanakan PBS?

Rifah :Macam tadi saya bagitau, saya tak merancang sangat. Yang saya buat pun RPH. Itupun kadang-kadang dah jadi macam lain. Lain yang

dirancang, lain pula yang saya buat dalam bilik darjah. Sepanjang buat PBS ni, semuanya bergantung kepada situasi semasa. Kalau pelajar on track saya pun ikut perancangan yang diberikan oleh LPM, tapi kalau dah ada pelajar yang ketinggalan, saya buat ad hoc planning saja. Saya buat apa yang dirasakan perlu dan sesuai pada keadaan tertentu. Jadi nak kata planning tu tak sangat, tapi semuanya bersifat ad hoc, yang sesuai dan praktikal dalam keadaan-keadaan tertentu.

Penyelidik :Terima kasih atas penjelasan yang cikgu berikan tadi. Kebiasaanya apa yang cikgu lakukan untuk melaksanakan PBS?

Rifah :Pada peringkat awal, saya telah melaksanakan taklimat. Saya bagi tau pelajar tentang cara mereka boleh melaksanakan PBS dan pada masa yang sama saya juga membincangkan persediaan-persediaan yang pelajar perlu buat agar tugas ini dapat diselesaikan dengan baik.

Penyelidik :Kenapa cikgu memberikan taklimat?

Rifah :Melalui taklimat, pelajar akan mendapat gambaran keseluruhan apa yang mereka perlu lakukan dalam tempoh lapan minggu. Pada masa yang sama, melalui taklimat ini saya boleh la nak bagitau persediaan-persediaan yang pelajar-pelajar perlu lakukan untuk melaksanakan tugas ini, cara mereka akan ditaksir, bagaimana saya dapat bantu mereka, dan proses untuk menyimpan bahan bukti mereka sepanjang melaksanakan tugas ini.

Penyelidik :Bagaimana cikgu laksanakan PBS?

Rifah :Macam saya cakap tadi, saya akan beri taklimat, melalui taklimat saya akan bagi tau pelajar-pelajar tentang keseluruhan proses ataupun perjalanan sepanjang lapan minggu ini. Lepas tu, saya akan mengajar macam biasa supaya pelajar faham tentang tajuk-tajuk kitaran perakaunan. Lepas tu, saya cuba kaitkan dengan tajuk tugas dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. Contohnya, macam mana nak sediakan dokumen, apa butir-butir yang perlu ada dalam dokumen dan beberapa perkara yang penting lagi. Sambil mengajar, saya juga melihat dan memantau perkembangan pelajar. Pelajar boleh kuasai tak setiap tajuk dalam kitaran perakaunan. Kalau nampak macam ada yang tak boleh saya beri bimbingan yang khusus, macam lepas kelas ataupun time-time dia free. Jadi, sambil saya mengajar, saya pun buat PBS. Ada masa yang saya boleh biarkan pelajar saja berbincang dan buat dalam kumpulan masing-masing. Sebab sejurus selepas bagi taklimat pelajar-pelajar ni dah bentuk kumpulan masing-masing. Senang sikit nak pantau. Jadi, proses ni saya akan ulang setiap kali. Masuk kelas, mengajar ikut RPH ataupun ikut carta gantt yang diberikan oleh LPM. Pengajaran tu dikaitkan dengan tajuk-tajuk dalam PBS, kalau pelajar tak faham saya bimbing balik sampai dia faham. Dan setiap kali lepas mengajar, pelajar perlu buat tugas yang sepatutnya disiapkan dalam minggu tersebut. Nampak mudah, tapi kadang-kadang nak handle budak-budak tu yang jadi payah. Ada yang buat ada yang tak buat. Tapi lepas tahun pertama, saya dah ada

sikit pengetahuan nak handle budak ni nak bagi siap juga, so la ni tak la susah sangat.

Penyelidik :Terima kasih atas penjelasan yang cikgu berikan tadi. Adakah cikgu rasakan kaedah yang buat ni menepati kehendak LPM?

Rifah :Nak kata tepat sangat tak berani juga. Tapi Alhamdulillah, setakat ni pentaksir dok mai memantau tak pernah kata apa-apa. Cuma dari segi agihan dalam bentuk kumpulan tu yang saya tak berapa sure sangat. Kalau ikutkan tugas ni nak kena secara individu, tapi saya buat juga dalam kumpulan. Tanya kawan-kawan sekolah lain pun, depa buat macam ni juga. Sebenarnya, hasil tu secara individu, tapi buat dalam kumpulan tu nak bagi pelajar bantu satu sama lain. Kadang-kadang pelajar ni ada yang segan nak mai jumpa saya, jadi bolehla dia nak bincang dalam kumpulan. Lagi pun kalau dalam kumpulan, ada ketua kumpulan yang boleh memantau. Kalau nampak perkembangan pelajar tu slow sangat, jadi ketua main peranan. Tapi, syukur la tak da la kes-kes yang meniru atau ciplak tugas pelajar yang lain. Jadi saya rasa kaedah yang saya guna tu betul la kot. Saya buat macam saya faham je la.

Penyelidik :Sejauhmana cikgu rasa kaedah-kaedah ini membantu cikgu dalam melaksanakan PBS?

Rifah :Bagi saya kaedah-kaedah yang saya gunakan memang membantu. Yang pertama, bagi taklimat kat pelajar, melalui cara ni pelajar dah dapat gambaran keseluruhan tentang apa yang perlu dilakukan

sepanjang lapan minggu. Lepas tu buat dalam kumpulan, saya rasa mudah nak kawal pelajar dan saya dapat kenalpasti pelajar yang tak buat, ketinggalan atau yang ada masalah. Saya buat PBS ni sambil-sambil mengajar dalam kelas. Jadi ni dapat bantu saya buat secara serentak. PBS dapat diintegrasikan dalam PdP seharian. Kalau ada pelajar bermasalah saya bantu dan bimbing baik dalam kelas atau diluar PdP. Jadi semua ni untuk memastikan pelajar faham tentang proses kitaran perakaunan disamping menyiapkan tugas berdasarkan apa yang dinyatakan oleh LPM. Jadi, kaedah-kaedah ni memang membantu saya untuk melancarkan pelaksanaan PBS.

Penyelidik : Pada pandangan cikgu, PBS yang cikgu laksanakan ni, sesuai atau tidak?

Rifah : Memang sesuai la, sebab banding peperiksaan, pelajar-pelajar tak da peluang kali kedua. Kalau dah salah tak boleh buat apa-apa. Tapi, PBS ni membantu pelajar. Satu dari segi pelajar nak betulkan dan membuat yang terbaik. Yang kedua, cikgu pun boleh bimbing pelajar sampai faham proses kitaran perakaunan yang memang perlu pelajar-pelajar kuasai. Jadi, saya rasa PBS memang sesuai untuk pelajar, Cuma dari segi pelaksanaan perlu dimantapkan lagi.

Penyelidik : Mengapa dan aspek mana yang perlu dimantapkan lagi cikgu?

Rifah : Dari segi kemahiran guru. Sebab PBS ni terus diperkenalkan dan macam guru terus laksana saja. Memang la ada taklimat dan kursus tapi tak padan la dengan perubahan yang dilakukan. Kita dah biasa

dengan exam, tiba-tiba mai macam ni pula, perlu la ada kemahiran tambahan. Kalau nak marking paper exam tak pa, lain cerita ni nak nilai pelajar sepanjang masa, cikgu-cikgu pun rasanya nak kena belajar juga. Ni macam semua LPM yang rancang lepas tu nak suruh cikgu-cikgu buat, memang pening juga la. Tapi, Alhamdulillah, boleh la juga buat yang terbaik.

Penyelidik :Terima kasih atas penjelasan yang cikgu berikan tadi, bagaimana pula cikgu melaksanakan pentaksiran terhadap pelajar?

Rifah : Yang ni memang saya tak faham langsung awal-awal, tapi dah slow-slow tanya kawan-kawan, boleh la nak buat. Saya memang bergantung kepada buku panduan untuk membuat pentaksiran, semua aspek saya bergantung kepada panduan yang diberikan. Pengalaman mengajar dan memeriksa juga membantu serba sedikit. Sebenarnya, saya guna banyak kaedah nak mentaksir pelajar, guna draf, tugasan akhir, secara pemerhatian, dan tengok cara pelajar berinteraksi dengan saya.

Penyelidik :Mengapa cikgu amalkan kaedah-kaedah seperti ini?

Rifah : Kalau rujuk buku panduan pun memang macam tu, banyak kaedah yang kita kena gunakan. Contohnya nak tengok perkembangan pelajar sepanjang melaksanakan PBS boleh rujuk draf pelajar, nak tengok kemahiran pelajar dalam menggunakan teknologi nak kena tengok tugasan akhir, kalau nak nilai kemahiran komunikasi pelajar dan akauntibiliti pelajar kena buat pemerhatian. Jadi saya campur

aduk semua kaedah ni untuk menilai pelajar. Kalau tengok buku panduan pun memang nak kena buat macam ni.

Penyelidik :Pada pendapat cikgu, sejauhmana kaedah ini mengukur perkembangan pembelajaran pelajar?

Rifah :Kalau nak kata perkembangan pembelajaran, memang kaedah-kaedah ni memang betul la. Sebab kalau tengok dalam situasi saya ni, kalau kata pelajar salah mana-mana komponen sewaktu buat draf saya dah boleh tegur. Katakan pelajar salah di buku catatan pertama, so melalui draft tu boleh dibetulkan berkali-kali, jadi tugas akhir tu dah tak salah dah. Melalui draf ni yang saya dapat lihat perkembangan pembelajaran pelajar. Setiap kesilapan diberi teguran dan bimbingan yang boleh bantu mereka sampai mahir dan faham betul-betul proses kitaran perakaunan. Semua kaedah memang bantu untuk perkembangan pembelajaran, tapi yang paling berkesan ialah pentaksiran melalui draf. Sebab boleh nampak kesilapan-kesilapan yang dilakukan.

Penyelidik :Bagaimana pula cikgu menilai hasil kerja pelajar?

Rifah :Saya akan bandingkan setiap komponen dalam tugas dengan rubrik pemarkahan yang diberikan. Kalau setiap kriteria itu dapat pelajar penuhi saya akan berikan skor yang penuh. Selalunya pelajar layak dapat skor penuh, sebab melalui draf tadi banyak aspek dah dibetulkan. Contohnya untuk bahagian penyata pendapatan, dinyatakan kebolehan pelajar untuk memindahkan kesemua

komponen kos jualan, belian, hasil dan belanja daripada Imbangan Duga. So, saya pun semak la Imbangan Duga pelajar, ada tak semua komponen-komponen yang dinyatakan. Kalau ada saya bagi skor penuh untuk bahagian ini.

Penyelidik : Adakah kaedah ini yang dicadangkan oleh LPM?

Rifah : Ya, betul. Kaedah ini yang dicadangkan.

Penyelidik : Apakah kekerapan cikgu melakukan proses pentaksiran?

Rifah : Berulang kali juga. Pelajar buat, kalau ada silap saya bantu untuk betulkan, lepas tu check balik, tanya balik dia faham atau tak. Kekerapan tu ikut kebolehan pelajar. Kalau pelajar yang pandai tu sekali dua saja, tapi yang lemah tu kadang-kadang sampai lima enam kali pun ada.

Penyelidik : Jadi secara keseluruhannya, adakah cikgu dapat melaksanakan PBS seperti yang disarankan?

Rifah : Kalau tak 100% pun, saya rasa dalam 80% tu ada saya laksanakan seperti yang disarankan. Cuma macam perancangan semua tu memang la tak dak saya buat, sebab benda tu dari LPM terus, tapi kalau kata nak laksana tu memang rasanya betul dah.

Penyelidik : Ada tak apa-apa isu yang timbul sepanjang cikgu laksanakan PBS?

Rifah : Ada, memang banyak. Contohnya macam dari segi kemahiran guru. Macam tadi yang saya bincang la, PBS ni LPM yang rancang, tapi cikgu kena laksana. Jadi macam mana nak tingkatkan kemahiran. Kursus yang diberikan tu pun macam taklimat saja, bukan bagi tingkat kemahiran. Saya memang tak pandai la nak marking kerja kursus ni, Cuma dok guna buku panduan, tanya kawan-kawan macam tu la. Jadi saya sendiri pun tak berapa confident dengan cara saya bagi markah. Lagi satu kaedah nak laksanakan, memang mudah nak buat secara berkumpulan, hasil tu individu la, tapi tak pernah pun dalam mana-mana taklimat suruh buat secara berkumpulan. Saya memang buat dalam kumpulan, tapi saya pun tak pasti boleh tak buat macam ni, yang saya tahu hasil tugas mestilah secara individu, tapi kaedah pelaksanaan tak lah LPM bagitau. Saya ikut kawan-kawan yang lain, ramai yang buat PBS dalam kumpulan, jadi terikut cara mereka. Tapi saya tak pasti sama ada kaedah ini boleh digunakan atau tidak, sebab tak da kejelasan dari LPM tentang cara nak buat PBS.

Penyelidik :Selain itu ada cabaran-cabaran yang timbul cikgu?

Rifah :Kalau tengok pada tajuk, memang tak dikurangkan, tapi ditambah pula dengan tugas, masa yang diberi hanyalah lapan minggu, selama ni tak pernah pun pelajar boleh buat dalam tempoh lapan minggu ni. Kos nak buat tugas pun agak tinggi, sebab kertas nak cetak pun hampir-hampir 50 hingga 70 helaian, jadi kalau pelajar nak print kat CC mahal, kat sekolah pun kami tak dapat nak bantu sebab tak da apa-apa peruntukan.

Penyelidik :Bagaimana cikgu menyelesaikan isu dan cabaran yang timbul sepanjang pelaksanaan PBS?

Rifah :Selalunya yang kes tak cukup masa tu, saya pandai-pandai je, bagi masa tambahan kat pelajar-pelajar, selalunya dalam minggu ke lapan, tugas tu dah siap, Cuma nak taip, edit ambil masa juga. Jadi bagi pi la dalam dua minggu lagi. Tapi, dari segi macam kemahiran, tu semua saya cuba-cuba tanya kat kawan-kawan yang lain supaya saya pun dapat maklumat yang secukupnya.

Penyelidik :Cikgu rasa cabaran-cabaran yang dihadapi ni menggugat tak pelaksanaan PBS?

Rifah :Tak la sampai menggugat, saya cari je jalan nak settle masalah-masalah yang dihadapi tu. Kalau dak kritikal sangat minta pentadbir tolong.

Penyelidik : Apakah harapan cikgu dalam melaksanakan PBS ini?

Rifah :Harapan saya satu saja. Minta LPM atau KPM bantu guru-guru. Lain kali, bagi la pendedahan awal supaya guru-guru pun bersedia dengan pengetahuan yang secukupnya untuk melaksanakan pembaharuan seperti ni. Sebab kalau cikgu-cikgu boleh faham secara mendalam rasanya tak jadi masalah untuk laksanakan.

Penyelidik :Terima kasih banyak-banyak cikgu atas perkongsian maklumat tentang PBS. Saya rasa untuk hari ni, setakat ni sahaja. Maklumat-

maklumat yang cikgu berikan ni memang sangat berguna untuk saya. Saya juga mohon maaf kerana terpaksa mengambil masa yang agak panjang untuk berbual dengan cikgu hari ni.

Rifah :Saya pun bagi maklumat yang saya tau saja. Harap-harap satu perkongsian di antara kita saja ye.

Penyelidik :Ok, cikgu saya faham, saya akan rahsiakan semua maklumat yang cikgu bagi tadi. Terima kasih sekali lagi cikgu.

Rifah :Sama-sama.



Lampiran F: Contoh Transkripsi Pemerhatian

Tarikh : 11.09.2014

Tempat : SMK AS

Masa : 11.20-12.40 PM

Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan

Bilangan Pelajar: 27

Langkah	Aktiviti Guru	Catatan
1. Pengenalan	<p>1. Guru memasuki kelas tepat pada 11.23AM. Guru menyoal pelajar tentang pelaksanaan tugas mereka. Diantara soalan-soalan yang diajukan kepada pelajar ialah:</p> <p>a) Dah buat sampai mana?</p> <p>b) Ikutkan semua dah kena siap sampai Imbangan Duga, sebab minggu ni cikgu nak sambung dengan Penyata Kewangan.</p> <p>c) Ada yang tak siap lagi tak?</p> <p>2. Guru menampalkan sekeping carta di atas papan putih. Dalam dalam carta itu kelihatan proses kitaran perakaunan. Guru memberi penerangan tentang proses kitaran perakaunan. Guru menyoal pelajar: Pelajar-pelajar kalau kamu lihat di depan ada carta kitaran perakaunan. Jadi, kita sekarang dok di tahap mana?</p>	<p>Pelajar melihat draf tugas mereka sambil membelek fail yang ada diatas meja.</p> <p>Tiada pelajar yang mengangkat tangan. Menunjukkan mereka sudah siapkan sehingga Imbangan Duga</p> <p>Hampir kesemua pelajar dapat menjawab dengan tepat dengan mengatakan Imbangan Duga.</p>
2. Aktiviti 1	<p>3. Selepas sesi memperkenalkan tajuk pembelajaran pada hari itu. Guru meminta seorang pelajar untuk mengulas apa langkah seterusnya yang perlu pelajar lakukan.</p> <p>4. Berdasarkan penerangan yang diberikan, guru menyatakan bahawa langkah seterusnya, pelajar-pelajar akan menyediakan penyata kewangan.</p>	<p>Pelajar itu memberi penerangan: Cikgu kita dah siap sampai ke Imbangan Duga, kalau dah tepat Imbangan Duga, kita dah boleh buat penyata kewangan.</p>

<p>3. Aktiviti 2</p>	<p>5. Guru membahagikan pelajar ke dalam kumpulan yang telah diwujudkan pada peringkat awal pelaksanaan tugas.</p> <p>6. Guru memantau dari kumpulan ke kumpulan. Sekiranya pelajar menyoal, guru memberi penerangan kepada pelajar dalam kumpulan.</p> <p>7. Guru didapati memberi tunjuk ajar dalam kumpulan. Pelajar didapati banyak menyoal tentang komponen-komponen dalam penyata kewangan. Guru menjelaskan tentang komponen-komponen seperti hasil, belanja, asset, liability dan ekuiti pemilik.</p>	<p>Pelajar bergerak ke dalam kumpulan masing-masing.</p>
<p>4. Aktiviti 3</p>	<p>Guru membuat penilaian terhadap pelajar. Guru menyoal pelajar secara lisan. Diantara soalan-soalan yang diajukan kepada pelajar:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Karnesh penyata kewangan terdiri daripada? ii. Danial apakah komponen-komponen yang akan direkodkan ke dalam penyata pendapatan? iii. Alia apa pula komponen-komponen yang akan direkodkan ke dalam kunci kira-kira? iv. Umairah, apakah kegunaan penyata pendapatan? v. Beng Huat, apa pula kegunaan kunci kira-kira? 	<p>Maklum balas spontan diberikan kepada pelajar-pelajar sekiranya didapati pelajar-pelajar tidak dapat memberikan jawapan yang tepat.</p>
<p>5. Kesimpulan dan penutup</p>	<p>Guru memaklumkan kepada pelajar-pelajarnya perlu menyiapkan tugas mereka sehingga penyata kewangan. Guru juga menasihatkan pelajar-pelajarnya untuk sering berjumpa dengannya untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan draft yang disediakan.</p>	

Lampiran G: Surat Persetujuan Peserta Kajian

Kepada
En. Kalai Selvan Arumugham
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia

Borang Kebenaran Sebagai Peserta Kajian

Saya, _____ bersetuju untuk menyertai kajian yang tuan kendalikan untuk memenuhi keperluan penulisan tesis Ijazah Kedoktoran di Universiti Utara Malaysia. Saya memahami tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk memahami pelaksanaan PBS dalam kalangan guru-guru Prinsip Perakaunan.

2. Saya maklum bahawa pemerhatian dalam kelas dan sesi temu bual akan dijalankan terhadap diri saya. Di samping itu, saya bersetuju untuk membenarkan tuan meneliti kerja-kerja penulisan, rekod-rekod akademik dan lain-lain yang berkaitan dengan saya untuk maksud memenuhi kehendak kajian tersebut.

3. Dalam penulisan tesis tersebut, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Untuk gentian, nama samaran sahaja akan digunakan. Segala maklumat yang dikumpul, dirakam dan ditulis saya berhak mengetahui dan menelitinya.

4. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini sekiranya saya rasa perlu. Untuk sebarang persoalan yang timbul saya akan menghubungi tuan.

Terima Kasih

Tandatangan Peserta

Tarikh

()

Lampiran H: Perakuan Penyuntingan Bahasa

27 Mac 2017

Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA)
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN


Tuan/ Puan,

PENYUNTINGAN BAHASA TESIS

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah menyemak dan mengedit bahasa tesis Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) yang bertajuk “MERANCANG, MELAKSANA DAN MENTAFSIR DI DALAM KONTEKS PENTAFSIRAN BERASASKAN SEKOLAH: KAJIAN KES GURU-GURU PERAKAUNAN TINGKATAN EMPAT” oleh En. Kalai Selvam Arumugham (No. Matrik: 94918).

Sekian, terima kasih.

Yang benar


Azmirahman.

(MOHAMAD AZMI BIN AB RAHMAN)

- *Pensyarah Kanan
- *Penyelaras Bahasa Melayu HEPA, UUM
- *Pengerusi/ Editor Karya Kreatif UUM Press
- *Ahli Persatuan Editor Malaysia (PEM)
- *Ahli Creative Content Industry Guild (CCIG)

Lampiran I: Soalan Tugas



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

3756/3

PRINSIP PERAKAUNAN

PROJEK

TINGKATAN 4

Kertas 3

Ogos – September 2014

-
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas.*
 2. *Calon wajib melaksanakan tugas tersebut secara individu.*
 3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
 4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM (Tingkatan 4) dari bulan **Ogos** hingga bulan **September**.*
 5. *Calon dikehendaki mematuhi Jadual Pelaksanaan Tugas Projek yang disediakan untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
 6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas ini mengandungi 3 halaman
bercetak.

[Lihat halaman sebelah

3756/3 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

TERHAD

TUGASAN PROJEK TINGKATAN 4

Anda adalah pemilik perniagaan yang membekalkan telefon bimbit dan aksesori. Perniagaan ini dibantu oleh lima orang pekerja. Gaji seorang pekerja ialah RM1 000 sebulan. Berikut adalah Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2014.

Nama Perniagaan
Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2014

	RM	RM		RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			<u>Ekuiti Pemilik</u>	
Premis		95 000	Modal awal	100 000
Lekapan		8 000	+ Untung Bersih	<u>45 500</u>
Perabot		15 000		145 500
Alatan Pejabat		<u>20 000</u>	- Ambilan	<u>2 500</u>
		138 000	Modal akhir	143 000
 <u>Aset Semasa</u>			 <u>Liabiliti Bukan Semasa</u>	
Stok	80 000		Pinjaman Bank	70 000
Penghutang	5 000		 <u>Liabiliti Semasa</u>	
Bank	25 000		Pemiutang	<u>38 000</u>
Tunai	<u>3 000</u>	<u>113 000</u>		<u>251 000</u>
		<u>251 000</u>		

1. Maklumat berikut perlu diambil kira dalam penyediaan tugas:
 - (a) Jenis perniagaan : Milikan tunggal
 - (b) Status perniagaan : Meneruskan perniagaan
 - (c) Tempoh urus niaga : Sebulan tahun semasa
2. Maklumat berikut perlu diambil kira dalam penyediaan dokumen berdasarkan Kunci Kira-kira yang diberi:
 - (a) Senarai nama penghutang dan pemiutang yang sedia ada.
 - (b) Jenis dan kuantiti barang niaga hendaklah ditentukan oleh anda sendiri tetapi jumlah stok mestilah berdasarkan nilai stok awal sedia ada.
3. Anda dikehendaki menyediakan satu set akaun yang lengkap berdasarkan dokumen sumber dan Kunci Kira-kira yang diberi.
4. Tugas projek hendaklah dibuat menggunakan komputer.
5. Tugas projek hendaklah dicetak dengan mematuhi perkara berikut:
 - (a) Saiz kertas : A4
 - (b) Saiz fon : 12 pt
 - (c) Jenis fon : Times New Roman
 - (d) Dokumen perniagaan : Saiz fon, jenis fon dan jarak antara baris adalah mengikut kesesuaian.

TERHAD
3756/3

6. Urus niaga yang terlibat mestilah disokong dengan dokumen yang lengkap berdasarkan garis panduan berikut:

Urus Niaga	Ringkasan	Bilangan Urus Niaga
(a) Catatan Permulaan	Rujuk Kunci Kira-kira	–
(b) Komponen Kos Jualan	<ul style="list-style-type: none"> - Belian kredit - Belian tunai - Pulangan belian - Angkutan masuk - Duti atas belian - Insurans atas belian 	5
(c) Komponen Jualan Bersih	<ul style="list-style-type: none"> - Jualan kredit - Jualan tunai - Pulangan jualan 	8
(d) Komponen Pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> - Pemiutang - Belanja 	5
(e) Komponen Penerimaan	<ul style="list-style-type: none"> - Penghutang - Hasil - Tambahan modal - Pinjaman 	5
(f) Perolehan aset bukan semasa	<ul style="list-style-type: none"> - Tunai - Kredit 	1
(g) Ambilan	<ul style="list-style-type: none"> - Tunai - Barang niaga 	1
(h) Catatan kontra	<ul style="list-style-type: none"> - Deposit tunai (dari penerimaan) - Pengeluaran tunai untuk kegunaan sendiri 	1
Jumlah urus niaga		26

7. Calon diperuntukkan 8 minggu untuk menyiapkan tugas.
 8. Hasil projek yang lengkap mesti dikemukakan oleh calon secara individu. Calon juga perlu mengemukakan bukti bagi projek berkenaan.
 9. Setiap calon mesti mempamerkan kemahiran komunikasi sama ada dalam bentuk pembentangan projek atau interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.

TUGASAN TAMAT